

Appendix 1 - You may enhance the Takaful protection of this plan by adding extra coverage from Our optional contribution paying riders. The following riders are made available subject to additional Tabarru' and contribution payment.

No	Benefits	Benefits Description
Basic Plan		
1.	myMedic	In the event the person covered is confined to a hospital for medically necessary services and/or treatments in relation to any covered benefit as a result of an illness (subject to the waiting period) or accidental injury, this rider will pay / reimburse any eligible hospitalization, surgical expenses and other medical benefits. e-Medical card will be provided under this rider. The plan chosen is Plan 150. Please refer to Appendix for the Schedule of Benefits.
2.	myHospital Cash	In the event the person covered is confined to a hospital due to illness (subject to the waiting period) or accidental injury, this rider pays: - a. Hospitalisation Benefit of RM 50.00 for each complete day of admission in normal ward of a hospital, subject to a maximum of 180 days per certificate year. b. ICU Benefit of RM 100.00 for each complete day of admission in Intensive Care Unit ("ICU") of a hospital, subject to a maximum of 30 days for any one disability. <i>If the person covered is aged 1 and 2 on next birthday at the point of claim, 50% and 75% respectively of Hospitalisation Benefit or ICU Benefit is payable.</i>
3.	myMultipay Critical Illness	In the event the person covered is diagnosed with any of the 47 critical illnesses (subject to the waiting period), RM 50,000.00 will be payable provided the person covered survives for at least 30 days after the diagnosis date of the critical illness. This rider allows the person covered to make 3 claims and up to 3 times of the rider's sum covered throughout this rider term. Each critical illness condition is claimable only once and a minimum of a 12 months waiting period shall apply between each critical illness claim. Child lien shall apply for person covered aged less than 5 years next birthday.
4.	myPA	Upon accidental death, dismemberment or disability of the person covered during the coverage term, a percentage of RM 50,000.00 will be payable in accordance to the Scale of Indemnity in the Appendix. In addition, double indemnity (i.e. RM 50,000.00) will payable in the event of death caused by the following events: a. travelling as a passenger in a public conveyance; b. riding as a passenger in an elevator or electric lift (elevator or electric lift in mines or in a building under construction is excluded); or c. in consequence of the burning of any theatre, cinema, hotel or other public building in which the person covered shall be present at the time of commencement of the fire.
5.	myIhram	In the event of death or TPD (prior to age 70 years next birthday) of the person covered, a lump sum amount of RM 50,000.00 will be payable. In addition, if death or TPD (prior to age 70 years next birthday) of the person covered resulted from an accident during hajj / umrah trip, an additional of RM 50,000.00 will be payable. Proof of hajj / umrah visa must be provided during claim submission
6.	myWaiver	Upon diagnosis of any of the 47 critical illnesses of the person covered after the waiting period, the future contributions of RM 363.49 monthly will be waived beginning from the next contribution due date immediately after the occurrence of such event up to the expiry of the Basic Plan.

Appendix 2 - What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

- (a) **Duty of Disclosure** - Pursuant to Paragraph 5 of Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013, you have a duty to take reasonable care not to provide false or inaccurate information when you apply for this plan. Failure to do so may result in avoidance of your contract of Takaful, refusal or reduction of your claim(s), change of the terms or termination of your contract of Takaful. The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of Takaful is entered into, varied or renewed with Us. You also have a duty to tell Us immediately if at any time after your contract of Takaful has been entered into, varied or renewed with Us any of the information provided is inaccurate or has changed.
- (b) **Free -Look Period** - There is a free-look period of fifteen (15) calendar days from the delivery date of the e-Certificate for you to review and decide whether you want to continue with the plan. If you wish to discontinue, you may cancel the certificate and get a full refund of your contributions paid for the Basic Plan and the attached riders except for *mySaver*. For *mySaver*, the cancellation amount payable shall equal to the sum of:
- The unallocated contributions;
 - Value of units that have been deducted (if any) at the unit price on the next valuation date; and
 - Any charges that have been deducted;
- Less any expenses which may have incurred for the medical examination of the person covered.
- (c) The amount placed under the PA and ILF and the investment profit arising from the PA is not guaranteed and will be based on the actual fund performance.
- (d) The risk of investment is borne solely by you and the benefits may be less than your total contributions paid.
- (e) If *myMedic* and/or *myHospital Cash* is/are included in your certificate, the applicable rider will be subjected to a waiting period of thirty (30) day from the commencement date or reinstatement date of the rider, whichever is the later, except for accidental injury.
- (f) If *myCritical Illness*, *myMultipay Critical Illness*, *myWaiver* and/or *myPayor Plus* is/are included in your certificate, the applicable rider will be subjected to a waiting period of sixty (60) days from the commencement date or reinstatement date of the rider, whichever is the later, for cancer, heart attack, coronary artery by-pass surgery, serious coronary artery disease and angioplasty and other invasive treatments for coronary artery disease. For critical illnesses other than the above, the waiting period means the thirty (30) days from the commencement date or reinstatement date of the rider, whichever is the later. You are advised to refer to the Appendix for the list of critical illnesses covered.
- (g) If *myMultipay Critical Illness* is included in your certificate, this rider will be subjected to a survival period of thirty (30) days after person covered has been diagnosed with a covered critical illness.
- (h) If *mySaver* is included in your certificate, you are advised to refer to the Fund Fact Sheet(s) of the investment fund(s) which you have chosen for the investment strategy and types of assets invest.
- (i) **No-Lapse Provision** - Should you continue paying your contribution in full and the payment is up-to date, your certificate will not lapse within the first five (5) certificate years. The No-Lapse Provision will be revoked if the contribution is not paid up-to-date, and the certificate shall lapse if there are insufficient amount in the PA and ILF to cover the Tabarru' and Service Charge for the Basic Plan and the attached rider(s).
- (j) **Lapse** - Your certificate will lapse and no coverage will be provided when the balance in the PA and ILF is exhausted. For the avoidance of doubt, in the event the PA is insufficient to cover the Tabarru' and Service Charge for the Basic Plan and the attached rider(s), We will deduct the required charges from the ILF to avoid lapsation of the certificate.
- (k) You must nominate a nominee(s) and ensure that your nominee(s) is / are aware of your participation in this plan.
- (l) If an incident occurs which gives rise to a claim, you shall notify Us immediately. You may refer to the claims procedures in your certificate.

Note: The above list is non-exhaustive. Please refer to your certificate for the full list of terms and conditions under the Basic Plan and the attached rider(s).

Appendix 3 - What are the major exclusions under this plan?

This plan does not cover the following:

1. Death Benefit

- (a) Death due to suicide, while sane or insane, within one (1) year from the coverage commencement date or at any reinstatement date, whichever is the later.

2. TPD Benefit

- (a) TPD which has existed prior to or on the coverage commencement date or at any reinstatement date, whichever is the later;
- (b) TPD is directly or indirectly, caused by, a consequence of, arises in connection with or is contributed to by any pre existing condition where TPD occurring within the first twelve (12) months from the commencement date or at any reinstatement date, whichever is the later; or
- (c) TPD is resulting directly or indirectly from any of the following causes:
 - attempted suicide or self-inflicted injuries, while sane or insane;
 - aviation gliding or any other form of aerial flight other than as a pilot, cabin crew or fare paying passenger of a recognized airline or chartered service;
 - war (whether war be declared or not), revolution or any war like operation;
 - any violation of law by the person covered or any assault or felony as committed, attempted or provoked by him;
 - while under the influence of alcohol, narcotics, or mind-altering substance; or
 - Acquired Immunodeficiency Syndrome (AIDS), infection by Human Immunodeficiency Virus (HIV) or related conditions.

3. Critical Illness Benefit

- (a) Critical Illness which has existed at the coverage commencement date or at any reinstatement date, whichever is later;
- (b) Critical Illness for which:
 - i. Any condition which existed or was diagnosed during the waiting period or after the expiry of the waiting period but which is related to a condition which existed or was diagnosed during the waiting period, except for critical illness contracted due to injury; or
 - ii. signs and symptoms existed before or during the waiting period which would prompt a reasonable person to seek medical care or attention, though the resulting diagnosis may occur before or after the expiry of the waiting period.
- (c) A claim for a critical illness described in b.(i.) and/or b.(ii.) above will not be admissible only because notification of the said claim was given to Us after the expiry of the waiting period.
- (d) Any diseases directly or indirectly, caused by or contributed to by nuclear weapons material, ionising, radiations or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or from any nuclear waste from the combustion of nuclear fuel. Solely for the purpose of this exclusion, combustion will include any self-sustaining process of nuclear fission;
- (e) While under the influence of alcohol, narcotics, or mind-altering substance; or
- (f) Self inflicted injuries, while sane or insane.

4. Hospitalisation / Surgical Benefit

- (a) Any claim caused by pre-existing illness;
- (b) Any claim due to illness or specified illnesses which occurs within the waiting period;
- (c) Any circumcision, plastic/cosmetic surgery and related treatment (including but not limited to double eyelids, acne, keloids, scars, skin tags, diffused alopecia and hair loss) or its complications except as necessitated by injury. Eye examination, corrective glasses, intraocular lens, Lasik, Intralase, Zyoptix, Orthoptics, visual repairmen due to refractive errors including but not limited to near sightedness, farsightedness or astigmatism (Radial Keratotomy); the use or acquisition of external appliances or devices such as artificial limbs, external fixator, hearing aids (including cochlear apparatus) and any other internal implantable devices implanted pacemakers and prescriptions and the rental charges of such devices except during hospital confinement;
- (d) Dental conditions including dental treatment or oral surgery except as necessitated by accidental injuries to sound natural teeth, however to exclude the replacement of artificial teeth, placement of denture and prosthetic service such as implants, bridges & crowns of their replacement for accidental injury cases;
- (e) Private nursing care or house calls, rest cures or sanatoria care, illegal drugs, intoxication, sterilisation, venereal disease and its sequelae, Acquired Immune Deficiency Syndrome (AIDS) or AIDS Related Complex (ARC) and Human Immunodeficiency Virus (HIV) related diseases, and any communicable diseases requiring quarantine by law. Diseases such as the Hand, Foot and Mouth Disease (HFMD), dengue fever and measles are not considered as communicable diseases requiring quarantine by law;
- (f) Any treatment, therapy or surgical operation for congenital condition or hereditary diseases, deformities or disabilities including but not limited to any disease or disability of a new born contracted prior to or during birth including any of the resulted complications;
- (g) Pregnancy or childbirth (including any diagnostic tests), abortion, miscarriage, or prenatal or postnatal care, surgical, mechanical or chemical contraceptive methods of birth control, test or treatment related to infertility or sterilization or sexual dysfunction or sex change procedures, including any of the resulted complications;
- (h) Any medical care or treatment received primarily for experimental or investigative purposes, any blood and topical allergy test including patch test, general physical or medical examinations, not incidental to treatment or diagnosis of a covered disability or any treatment

which is not medically necessary and any preventive treatments, preventive medicines, stem cell therapy, or examinations carried out by a physician or treatments specifically for weight reduction or gain or bariatric surgery;

- (i) Any out-patient treatment unless specifically provided under the certificate;
- (j) Treatment for injuries sustained while committing a crime or felony, or while under the influence of alcohol, narcotics, or mind altering substance or injuries which are self inflicted while sane or insane;
- (k) War or any act of war, declared or undeclared, criminal or terrorist activities, active duty in any armed forces, direct participation in strikes, riots and civil commotion or insurrection;
- (l) Ionising radiation or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or nuclear waste from process of nuclear fission or from any nuclear weapons material;
- (m) Expenses incurred for donation of any body organ by a person covered and costs of acquisition of the organ including all costs incurred by the donor during organ transplant and its complications;
- (n) Investigation and treatment of sleep apnoea and snoring disorders, hyperhidrosis treatment, hormone replacement therapy including but not limited to sex hormone therapy and other alternative therapy or treatment such as but not limited to chiropractic services, acupuncture, acupressure, reflexology, bone setting, podiatric, herbalist treatment, hyperbaric oxygen therapy, massage or aroma therapy;
- (o) Care or treatment for which payment is not required or to the extent which is payable by any other takaful/insurance or indemnity covering the person covered and disabilities arising out of duties of employment or profession that is covered under a workman's compensation takaful/insurance contract;
- (p) Psychotic, mental or nervous disorders (including any neuroses and their physiological or psychosomatic manifestations);
- (q) Costs/expenses of services of a non-medical nature, such as television, telephones, broadband services, radios or similar facilities and other ineligible non-medical items;
- (r) Illness or injury arising from racing of any kind (except foot racing), hazardous sports such as but not limited to skydiving, water skiing, underwater activities requiring breathing apparatus, winter sports, professional sports and illegal activities; or
- (s) Private flying other than as a fare-paying passenger in any commercial scheduled airlines licensed to carry passengers over established routes.

5. Accidental Benefits

any claim caused by:

- (a) war (whether war be declared or not) or warlike operations, invasion, act of foreign enemies, hostilities, civil war, mutiny, civil commotion assuming the military uprising, insurrection, rebellion, military or usurped power or any act of the person covered acting on behalf of or in connection with any organisation actively directed towards the overthrow by force of any government or to the influencing of it by terrorism or violence;
- (b) nuclear weapons material, ionising radiations or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or from any nuclear waste from the combustion of nuclear fuel. Solely for the purpose of this exclusion, combustion will include any self-sustaining process of nuclear fission;
- (c) the person covered breaking any law or any assault provoked by him;
- (d) suicide, attempted suicide or self-inflicted injury whilst sane or insane;
- (e) misuse of drugs or alcohol;
- (f) any physical defect or infirmity;
- (g) childbirth or miscarriage, pregnancy;
- (h) aviation, gliding or any other form of aerial flight other than as a pilot, cabin crew or fare-paying passenger of a recognised airline or charter service;
- (i) participation in or training for any dangerous or hazardous sport or competition or riding or driving in any form of race or competition;
- (j) anthrax, blood-poisoning, erysipelas, ptomaine poisoning, pyaemia, septicemia and/or tetanus;
- (k) military or naval service in time of declared or undeclared war or while under orders for warlike operations or restoration of public order; or
- (l) Acquired Immunodeficiency Syndrome (AIDS), infection by Human Immunodeficiency Virus (HIV) or related conditions.

Note: The above list is applicable depending on the coverage of the Basic Plan and the attached rider(s). It is non-exhaustive. Please refer to your certificate for the full list of the exclusions under the Basic Plan and the attached rider(s).

Appendix – List of Critical Illness Covered for *myMultipay Critical Illness*, *myWaiver*

List of Critical Illness			
1.	Alzheimer's Disease / Severe Dementia	25.	Major Organ / Bone Marrow Transplant
2.	Angioplasty and other invasive treatment for coronary artery disease*	26.	Motor Neuron Disease – Permanent neurological deficit with persisting clinical symptoms
3.	Bacterial Meningitis – resulting in permanent inability to perform Activities of Daily Living	27.	Multiple Sclerosis
4.	Benign Brain Tumor – of specified severity	28.	Muscular Dystrophy
5.	Blindness – Permanent and Irreversible	29.	Paralysis of Limbs
6.	Brain Surgery	30.	Parkinson's Disease – resulting in permanent inability to perform Activities of Daily Living
7.	Cancer – of specified severity and does not cover very early cancers	31.	Primary Pulmonary Arterial Hypertension – of specified severity
8.	Cardiomyopathy – of specified severity	32.	Serious Coronary Artery Disease
9.	Chronic Aplastic Anemia – resulting in permanent Bone Marrow Failure	33.	Stroke – resulting in permanent neurological deficit with persisting clinical symptoms
10.	Coma – resulting in permanent neurological deficit with persisting clinical symptoms	34.	Surgery to aorta
11.	Coronary Artery By-Pass Surgery	35.	Systemic Lupus Erythematosus with Severe Kidney Complications
12.	Deafness – Permanent and Irreversible	36.	Third Degree Burns – of specified severity
13.	Encephalitis – resulting in permanent inability to perform Activities of Daily Living.	37.	Occupationally Acquired Human Immunodeficiency Virus (HIV) Infection
14.	End-Stage Liver Failure	38.	Terminal Illness
15.	End-Stage Lung Disease	39.	Medullary Cystic Disease
16.	Full-blown AIDS	40.	Apallic Syndrome (i.e. Persistent Vegetative State)
17.	Fulminant Viral Hepatitis	41.	Chronic Autoimmune Hepatitis
18.	Heart Attack – of specified severity	42.	Chronic Relapsing Pancreatitis
19.	Heart Valve Surgery	43.	Creutzfeldt-Jakob Disease
20.	HIV Infection Due to Blood Transfusion	44.	Ebola Hemorrhagic Fever
21.	Kidney Failure – requiring dialysis or kidney transplant	45.	Elephantiasis
22.	Loss of Independence Existence	46.	Poliomyelitis
23.	Loss of Speech	47.	Progressive Scleroderma
24.	Major Head Trauma – resulting in permanent inability to perform Activities of Daily Living	48.	Severe Eisenmenger's Syndrome

*Not applicable to *myMultipay Critical Illness*, *myWaiver* and *myPayor Plus*

Appendix – Schedule of Benefit for myPA

Description of Payable Events	Percentage of Sum Covered
(a) Accidental Death	100%
(b) Accidental Death - Double Indemnity	200%
(c) Accidental Permanent Disablement	
1. Loss of two limbs	100%
2. Loss of both hands, or all fingers and both thumbs	100%
3. Total loss of sight of both eyes	100%
4. Total paralysis	100%
5. Loss of sight of one eye	50%
6. Loss of arm	
(a) at shoulder	100%
(b) between shoulder and elbow	100%
(c) at elbow	100%
(d) between elbow and wrist	100%
(e) at wrist	100%
7. Loss of leg	
(a) at hip	100%
(b) between knee and hip	100%
(c) below knee	100%
8. Loss of hearing	
(a) both ears	75%
(b) one ear	15%
9. Loss of speech	50%
10. Loss of fingers	
(a) Four finger and thumb of one hand	50%
(b) Four fingers of one hand	40%
(c) Thumb	
• both phalanges	25%
• one phalanx	10%
(d) Index finger	
• three phalanges	10%
• two phalanges	8%
• one phalanx	4%
(e) Middle finger	
• three phalanges	6%
• two phalanges	4%
• one phalanx	2%
(f) Ring finger	
• three phalanges	5%
• two phalanges	4%
• one phalanx	2%
(g) Little finger	
• three phalanges	4%
• two phalanges	3%
• one phalanx	2%
(h) Metacarpals	
• first of second (additional)	3%
• third, fourth or fifth (additional)	2%
(i) Toes	
• all of one foot	15%
• great, both phalanges	5%
• great one phalanx	2%
• other than great if more than one toe lost, each	1%

Notes:

- Permanent total loss of use of member shall be treated as loss of member.
- Where any permanent partial disablement not specified above other than loss of sense of taste or smell, We will adopt a percentage of disablement which in Our opinion is not inconsistent with the provisions of the above.
- The aggregate of all percentage payable in respect of any one accident shall not exceed 100% of the sum covered OR 200% of the sum covered (for double indemnity) of this rider.

Appendix – Schedule of Benefits for myMedic

No.	Description of Benefits	Maximum Amount (in RM)			
		Plan 150	Plan 250	Plan 350	Plan 500
A. Hospital and Surgical Benefits					
1.	Daily Hospital Room and Board (No limit on number of days)	150 per day	250 per day	350 per day	500 per day
2.	Intensive Care Unit (Maximum 60 days per one disability)	As charged			
3.	Surgical fees (Post-Surgery care limited to 90 days after hospital discharge)				
4.	Anesthetist Fees				
5.	Operating theatre				
6.	Hospital Supplies and Services				
7.	In-Hospital Physician's and Specialist's Visit				
8.	Ambulance Fees				
9.	Day Surgery				
10.	Medical Report Fees	100 per disability			
11.	Daily Cash Allowance at Malaysian Government Hospital (No limit on number of days)	100 r day			
B. Outpatient Treatment					
12.	Pre-Hospital Diagnostic Tests (Maximum 60 days prior to hospitalisation)	As charged			
13.	Pre-Hospital Specialist Consultation (Maximum 60 days prior to hospitalisation)				
14.	Post-Hospitalisation Benefits (Maximum 90 days after hospital discharge)				
15.	Out-patient Cancer Treatment				
16.	Out-patient Kidney Dialysis Treatment				
17.	Emergency Accidental Out-patient Treatment (Within 24 hours of an accident)				
18.	Emergency Accidental Dental Treatment (Within 24 hours of an accident)				
19.	Home Nursing Care Benefit (Up to 180 days lifetime)				
20.	Organ Transplant (Once per lifetime)				
C. Overall Limits [Applicable to items under both (A) & (B)]					
21.	Overall Annual Limit	300,000	500,000	700,000	1,000,000
22.	Overall Lifetime Limit	No lifetime limit			
D. Additional Benefits					
23.	International Emergency Medical Assistance	Yes			

Lampiran 1 - Anda boleh meningkatkan perlindungan Takaful pelan ini dengan menambah perlindungan tambahan daripada caruman pilihan rider berbayar Kami. Rider berikut disediakan tertakluk kepada tambahan Tabarru' dan bayaran caruman.

No.	Manfaat	Deskripsi Manfaat
Caruman Pilihan Rider Berbayar		
1.	myMedic	Sekiranya orang yang dilindungi dimasukkan ke hospital untuk perkhidmatan dan/atau rawatan yang diperlukan dari segi perubatan berhubung dengan mana-mana manfaat dilindungi akibat daripada penyakit (tertakluk kepada tempoh menunggu) atau kecederaan akibat kemalangan, rider ini akan membayar / membayar balik sebarang kemasukan ke hospital, perbelanjaan pembedahan dan manfaat perubatan lain yang layak. e-Kad perubatan akan disediakan di bawah rider ini. Pelan yang telah dipilih adalah Pelan 150. Sila rujuk kepada Lampiran untuk Jadual Manfaat.
2.	myHospital Cash	Sekiranya orang yang dilindungi dimasukkan ke hospital disebabkan penyakit (tertakluk kepada tempoh menunggu) atau kecederaan akibat kemalangan, rider ini membayar: - a. Manfaat Penghospitalan RM 50.00 untuk kemasukan harian lengkap di wad biasa hospital, tertakluk kepada maksimum 180 hari setiap tahun sijil. b. Manfaat ICU RM 100.00 adalah untuk kemasukan harian lengkap di Unit Rawatan Rapi ("ICU") hospital, tertakluk kepada maksimum 30 hari untuk setiap satu keilangan. <i>Sekiranya orang yang dilindungi berumur 1 dan 2 tahun pada hari lahir akan datang ketika tuntutan, Manfaat Penghospitalan atau Manfaat ICU akan dibayar masing-masing 50% dan 75%.</i>
3.	myMultipay Critical Illness	Sekiranya orang yang dilindungi didiagnosis dengan mana-mana daripada 47 penyakit kritikal (tertakluk kepada tempoh menunggu), RM 50,000.00 akan dibayar dengan syarat orang yang dilindungi bertahan sekurang-kurangnya 30 hari selepas tarikh diagnosis penyakit kritikal. Rider ini membenarkan orang yang dilindungi membuat 3 tuntutan dan sehingga 3 kali ganda daripada jumlah perlindungan rider sepanjang tempoh rider ini. Setiap keadaan penyakit kritikal boleh dituntut sekali sahaja dan tempoh menunggu sekurang-kurangnya 12 bulan akan dikenakan antara setiap tuntutan penyakit kritikal. Lien kanak-kanak dikenakan untuk orang yang dilindungi berumur kurang daripada 5 tahun hari lahir akan datang.
4.	myPA	Apabila berlaku kematian akibat kemalangan, kehilangan anggota atau keilangan orang yang dilindungi semasa tempoh perlindungan, peratusan RM 50,000.00 akan dibayar mengikut Skala Indemniti dalam Lampiran. Tambahan, indemniti berganda (iaitu RM 50,000.00) akan dibayar sekiranya berlaku kematian akibat kejadian berikut: a. perjalanan sebagai penumpang dalam pengangkutan awam; b. menaiki elevator atau lif elektrik (elevator atau lif elektrik di lombong atau di dalam bangunan dalam pembinaan tidak termasuk); atau c. akibat daripada pembakaran mana-mana teater, pawagam, hotel atau bangunan awam lain di mana orang yang dilindungi berada di tempat kejadian pada masa kebakaran bermula.
5.	myIhram	Sekiranya berlaku kematian atau KMK (sebelum umur 70 tahun hari lahir akan datang) orang yang dilindungi, amaun sekaligus RM 50,000.00 akan dibayar. Selain itu, jika kematian atau KMK (sebelum umur 70 tahun hari lahir akan datang) orang yang dilindungi disebabkan oleh kemalangan semasa perjalanan haji / umrah, tambahan RM 50,000.00 akan dibayar. Bukti visa haji / umrah mesti disediakan semasa penghantaran tuntutan.
6.	myWaiver	Sekiranya orang yang dilindungi didiagnosis dengan mana-mana daripada 47 penyakit kritikal selepas tempoh menunggu, caruman masa depan RM 363.49 bulanan akan ditetapkan bermula dari tarikh tamat caruman seterusnya sejurus selepas berlakunya kejadian tersebut sehingga tamat tempoh Pelan Asas.

Lampiran 2 - Apakah sebahagian daripada terma dan syarat penting yang patut saya ketahui?

- (a) **Tanggungjawab Pendedahan** – Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 dari Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil perhatian yang sewajarnya untuk tidak memberikan maklumat palsu atau tidak tepat apabila anda memohon untuk pelan ini. Kegagalan berbuat demikian, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami, apa-apa maklumat yang disediakan tidak tepat atau sudah berubah.
- (b) **Tempoh Penelitian Percuma** – Terdapat tempoh penelitian percuma selama lima belas (15) hari kalendar dari tarikh penghantaran e-Sijil untuk anda meneliti dan membuat keputusan sama ada anda mahu meneruskan pelan ini. Jika anda tidak mahu meneruskan pelan ini, anda boleh membatalkan sijil dan mendapatkan bayaran balik penuh untuk caruman yang telah dibayar untuk Pelan Asas dan rider yang disertakan kecuali untuk *mySaver*. Untuk *mySaver*, amaun pembatalan dibayar sama dengan jumlah:
- Caruman yang tidak diperuntukkan;
 - Nilai unit yang telah ditolak (jika ada) pada harga unit pada tarikh penilaian berikutnya; dan
 - Sebarang caj yang telah ditolak;
- Kurang sebarang perbelanjaan yang telah ditanggung untuk pemeriksaan kesihatan orang yang dilindungi.
- (c) Amaun yang telah diletakkan di bawah AP dan *ILF* dan keuntungan pelaburan yang timbul daripada AP tidak dijamin dan akan berdasarkan prestasi dana sebenar.
- (d) Risiko pelaburan ditanggung sepenuhnya oleh anda dan manfaat mungkin kurang daripada jumlah caruman yang dibayar.
- (e) Sekiranya *myMedic* dan/atau *myHospital Cash* disertakan dalam sijil anda, rider yang berkenaan akan tertakluk kepada tempoh menunggu selama tiga puluh (30) hari dari tarikh permulaan atau tarikh kuat kuasa semula rider, yang mana kemudian, kecuali kecederaan akibat kemalangan.
- (f) Sekiranya *myCritical Illness*, *myMultipay Critical Illness*, *myWaiver* dan/atau *myPayor Plus* disertakan dalam sijil anda, rider yang berkenaan akan tertakluk kepada tempoh menunggu selama enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan atau tarikh kuat kuasa semula rider, yang mana kemudian, bagi kanser, serangan jantung, pembedahan pintasan arteri koronari, penyakit arteri koronari serius dan angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari. Bagi penyakit kritikal selain daripada yang di atas, tempoh menunggu bererti tiga puluh (30) hari dari tarikh permulaan atau tarikh kuat kuasa semula rider, yang mana kemudian. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada Lampiran untuk senarai penyakit kritikal yang dilindungi.
- (g) Sekiranya *myMultipay Critical Illness* disertakan dalam sijil anda, rider ini akan tertakluk kepada tempoh hidup selama tiga puluh (30) hari selepas orang yang dilindungi didiagnosis dengan penyakit kritikal yang dilindungi.
- (h) Sekiranya *mySaver* disertakan dalam sijil anda, anda dinasihatkan untuk merujuk kepada Helaian Fakta Dana bagi dana pelaburan yang telah anda pilih untuk strategi pelaburan dan jenis pelaburan aset.
- (i) **Peruntukan Tanpa Luput** – Sekiranya anda terus membayar caruman secara penuh dan dikemaskini, sijil anda tidak akan luput dalam tempoh lima (5) tahun sijil pertama. Peruntukan Tanpa Luput akan dibatalkan jika caruman tidak dibayar tepat pada masanya, dan sijil akan luput jika jumlah AP dan *ILF* tidak mencukupi untuk menampung Tabarru' dan Caj Perkhidmatan bagi Pelan Asas dan rider yang disertakan.
- (j) **Luput** - Sijil anda akan luput dan tiada perlindungan akan diberikan apabila baki dalam AP dan *ILF* telah habis. Untuk mengelakkan keraguan, sekiranya AP tidak mencukupi untuk menampung Tabarru' dan Caj Perkhidmatan untuk Pelan Asas dan rider yang disertakan, Kami akan menolak caj yang diperlukan daripada *ILF* untuk mengelakkan sijil luput.
- (k) Anda harus mencalonkan penama dan memastikan bahawa penama anda mengetahui mengenai penyertaan anda dalam pelan ini.
- (l) Sekiranya berlaku kejadian yang mengakibatkan tuntutan, anda harus memberitahu Kami dengan segera. Anda boleh merujuk kepada prosedur tuntutan dalam sijil anda.

Nota: Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil anda untuk senarai lengkap terma dan syarat di bawah Pelan Asas dan rider yang disertakan.

Lampiran 3 - Apakah pengecualian utama bagi pelan ini?

Pelan ini tidak melindungi perkara berikut:

1. Manfaat Kematian

- (a) Kematian akibat bunuh diri, ketika waras atau tidak waras, dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh permulaan perlindungan atau pada mana-mana tarikh kuat kuasa semula, yang mana kemudian.

2. Manfaat KMK

- (a) KMK yang telah wujud sebelum atau pada tarikh permulaan perlindungan atau pada mana-mana tarikh kuat kuasa semula, yang mana kemudian;
- (b) KMK secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh, akibat daripada, timbul berkaitan dengan atau disebabkan oleh mana-mana keadaan sedia ada di mana KMK berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan yang pertama dari tarikh permulaan atau pada mana-mana tarikh kuat kuasa semula, yang mana kemudian; atau
- (c) KMK yang berlaku secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana berikut:
 - Cubaan bunuh diri atau kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri ketika waras atau tidak waras;
 - Penerbangan, peluncuran atau sebarang jenis penerbangan di udara selain juruterbang, anak kapal atau penumpang yang membayar tambang kepada syarikat penerbangan yang diiktiraf atau perkhidmatan sewa khas;
 - Peperangan (yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), revolusi atau sebarang operasi berunsur peperangan;
 - Sebarang pelanggaran undang-undang atau sebarang aktiviti jenayah atau pengganas yang dilakukan, cuba dilakukan atau diprovokasi oleh orang yang dilindungi;
 - Semasa di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau bahan pengubah minda; atau
 - Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (*AIDS*), jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (*HIV*) atau keadaan yang berkaitan.

3. Manfaat Penyakit Kritikal

- (a) Penyakit kritikal yang telah wujud pada tarikh permulaan perlindungan atau pada mana-mana tarikh kuat kuasa semula, yang mana kemudian.
- (b) Penyakit kritikal di mana:
 - i. Sebarang keadaan yang wujud atau telah didiagnos semasa tempoh menunggu atau selepas selepas tamat tempoh menunggu tetapi berkaitan dengan keadaan yang wujud atau telah didiagnos semasa tempoh menunggu, kecuali bagi penyakit kritikal yang dialami akibat kecederaan; atau
 - ii. Tanda-tanda atau simptom-simptom yang wujud sebelum atau semasa tempoh menunggu yang mendorong seseorang mendapatkan rawatan dan perhatian perubatan, walaupun diagnosis yang terhasil berlaku sebelum atau selepas tempoh menunggu tamat.
- (c) Tuntutan bagi penyakit kritikal yang diperihalkan di dalam b.(i.) dan/atau b.(ii.) di atas tidak boleh diterima jika pemberitahuan bagi tuntutan tersebut telah diberikan kepada Kami selepas tamat tempoh menunggu;
- (d) Sebarang penyakit secara langsung atau tidak langsung, disebabkan atau berpunca daripada bahan senjata nuklear, pengionan, radiasi atau pencemaran akibat radioaktif dari sebarang bahan api nuklear atau sisa nuklear dari pembakaran bahan api nuklear. Semata-mata untuk tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk sebarang proses penyelenggaraan pembelahan nuklear;
- (e) Semasa di bawah pengaruh alkohol, narkotik, atau bahan pengubah minda; atau
- (f) Kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri ketika waras atau tidak waras.

4. Manfaat Penghospitalan / Pembedahan

- (a) Sebarang tuntutan yang disebabkan oleh penyakit sedia ada;
- (b) Sebarang tuntutan disebabkan oleh penyakit atau penyakit tertentu yang berlaku di dalam tempoh menunggu;
- (c) Sebarang pengkhatan, pembedahan plastik/kosmetik dan rawatan yang berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad kepada dwi-kelopak mata, jerawat, keloid, parut, tag kulit, *diffused alopecia* dan keguguran rambut) atau komplikasinya kecuali yang diakibatkan oleh kecederaan. Pemeriksaan mata, pembetulan cermin mata, kanta intraocular, Lasik, Intralase, Zyoptix, Orthoptics, pembaikan penglihatan akibat rabun termasuk tetapi tidak terhad kepada rabun dekat, rabun jauh atau astigmatisme (Keratotomy Radial); penggunaan atau pemerolehan peralatan atau peranti luaran seperti anggota tiruan, penyambung luaran, alat bantu pendengaran (termasuk perkakasan koklea) dan sebarang peranti dalaman lain yang diimplan, perentak jantung dan preskripsi dan caj sewa peranti tersebut kecuali semasa penghospitalan;
- (d) Keadaan pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali yang diperlukan kerana kecederaan akibat kemalangan pada gigi asli yang sihat, namun tidak termasuk penggantian gigi palsu, penempatan gigi palsu dan perkhidmatan penggantian prostetik seperti implant, bridge dan crown bagi kes kecederaan akibat kemalangan;
- (e) Penjagaan kejururawatan persendirian atau panggilan ke rumah, rawatan rehat pulih atau penjagaan sanitari/kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, mabuk, pensterilan, penyakit venereal dan sekuelanya, Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (*AIDS*) atau Kompleks Berkaitan *AIDS* (*ARC*) dan penyakit berkaitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (*HIV*), dan sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin mengikut undang-undang. Penyakit seperti Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (*HFMD*), demam denggi dan demam campak tidak dianggap sebagai penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin mengikut undang-undang;
- (f) Sebarang rawatan, terapi atau pembedahan untuk penyakit kongenital atau penyakit keturunan, kecacatan atau keilatan termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang penyakit atau kecacatan bayi baru lahir yang dijangkiti sebelum atau semasa kelahiran termasuk sebarang komplikasi yang terhasil;
- (g) Kehamilan, bersalin (termasuk ujian diagnostik), menggugurkan kandungan, keguguran, atau penjagaan pranatal atau selepas bersalin, kaedah kawalan kelahiran dan kontraseptif secara pembedahan, mekanikal atau kimia, ujian atau rawatan yang berkaitan dengan

ketidaksuburan/kemandulan atau pensterilan atau disfungsi seksual atau prosedur pertukaran jantina, termasuk sebarang komplikasi yang terhasil;

- (h) Sebarang jagaan atau rawatan perubatan yang diterima terutamanya untuk tujuan eksperimen atau penyiasatan, sebarang ujian darah dan alahan topikal termasuk ujian_tampalan, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis keilatan yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak perlu dari segi perubatan dan sebarang rawatan dan ubat pencegahan, terapi sel stem, atau pemeriksaan yang dijalankan oleh pakar perubatan, atau rawatan khusus untuk mengurangkan atau menambah berat badan atau pembedahan bariatrik;
- (i) Sebarang rawatan pesakit luar kecuali dinyatakan secara spesifik di bawah Lampiran;
- (j) Rawatan untuk kecederaan yang dialami semasa melakukan jenayah atau feloni atau semasa di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau bahan yang mengubah minda atau kecederaan yang dilakukan sendiri ketika waras atau tidak waras.
- (k) Peperangan atau sebarang tindakan peperangan, yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, jenayah, atau aktiviti penganas, tugas aktif dalam mana-mana angkatan tentera, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan atau pemberontakan awam;
- (l) Pengionan, radiasi atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada sebarang bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada sebarang bahan senjata api nuklear;
- (m) Perbelanjaan yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ tubuh badan oleh orang yang dilindungi dan kos perolehan organ tersebut termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma semasa pemindahan organ dan komplikasinya;
- (n) Penyiasatan dan rawatan gangguan apnea tidur dan dengkur, rawatan hyperhidrosis, terapi penggantian hormon termasuk tetapi tidak terhad kepada terapi hormon seksual dan terapi atau rawatan alternatif lain seperti tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan kiropraktik, akupunktur, akupresur, refleksologi, penetapan tulang, podiatric, rawatan pakar herba, terapi oksigen hiperbarik, urut atau terapi aroma;
- (o) Penjagaan atau rawatan yang pembayarannya tidak diperlukan atau setakat yang perlu dibayar oleh mana-mana takaful/insurans atau indemniti lain yang melindungi orang yang dilindungi dan keilatan yang timbul daripada tugas dalam pekerjaan atau kerjaya yang dilindungi di bawah kontrak takaful/insurans Pampasan Pekerja;
- (p) Gangguan psikotik, mental atau saraf (termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya);
- (q) Kos/perbelanjaan perkhidmatan yang bersifat bukan perubatan, seperti televisyen, telefon, perkhidmatan jalur lebar, radio atau kemudahan serupa dan barangan bukan perubatan lain yang tidak layak;
- (r) Penyakit atau kecederaan akibat daripada sebarang jenis perlumbaan (kecuali lumba lari), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun udara, luncur air, aktiviti di dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti haram; atau
- (s) Penerbangan persendirian selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana syarikat penerbangan berjadual komersial yang dilesenkan untuk membawa penumpang melalui laluan yang ditetapkan

5. Manfaat Kemalangan

- (a) Peperangan (tidak kira peperangan diisytiharkan atau tidak) atau operasi peperangan, penaklukan, perlakuan musuh luar, permusuhan, perang saudara, pemberontakan, kekacauan awam kerana menyangka adanya kebangkitan ketenteraan, kebangkitan kuasa, penentangan, ketenteraan atau rampasan kuasa atau sebarang perlakuan orang yang dilindungi yang bertindak bagi pihak atau berhubungan aktif dengan sebarang organisasi yang bertujuan mengguling mana-mana kerajaan secara paksa atau mempengaruhinya melalui keganasan atau kekerasan;
- (b) Bahan senjata nuklear, pengionan, radiasi atau kontaminasi akibat radioaktiviti dari sebarang bahan api nuklear atau sisa nuklear dari pembakaran bahan api nuklear. Semata-mata untuk tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk sebarang penyimpanan-tenaga semasa proses pembelahan atom;
- (c) Sebarang pelanggaran undang-undang oleh orang yang dilindungi atau serangan yang diprovokasinya;
- (d) Bunuh diri, cubaan bunuh diri atau kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri ketika waras atau tidak waras;
- (e) Penyalahgunaan dadah atau alkohol;
- (f) Sebarang kecacatan atau kelemahan fizikal;
- (g) Melahirkan anak atau keguguran, kehamilan;
- (h) Penerbangan, meluncur atau apa-apa bentuk penerbangan udara lain selain sebagai juruterbang, anak kapal kabin atau penumpang yang membayar tambang kepada syarikat penerbangan atau perkhidmatan sewa yang diiktiraf;
- (i) Penyertaan dalam atau latihan untuk sebarang sukan atau pertandingan yang berbahaya atau pertandingan atau menunggang atau memandu dalam sebarang jenis perlumbaan atau pertandingan;
- (j) Antraks, keracunan darah, erysipelas, keracunan ptomaine, pyaemia septikemia dan / atau tetanus;
- (k) Perkhidmatan ketenteraan termasuk tentera laut semasa peperangan samada diisytiharkan atau tidak atau ketika menerima arahan bagi operasi peperangan atau pemulihan aturan awam; atau
- (l) Acquired Immunodeficiency Syndrom (AIDS), jangkitan oleh Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) atau keadaan yang berkaitan.

Nota: Senarai di atas adalah terpakai bergantung pada perlindungan Pelan Asas dan rider yang disertakan. Ia tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil anda untuk senarai lengkap pengecualian di bawah Pelan Asas dan rider yang disertakan.

Lampiran – Senarai Penyakit Kritikal Dilindungi untuk myMultipay Critical Illness, myWaiver

Senarai Penyakit Kritikal			
1.	Penyakit Alzheimer / Dimensia Teruk	25.	Transplantasi Organ Utama / Sumsum Tulang
2.	Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari*	26.	Penyakit Neuron Motor – deficit neurologi kekal dengan gejala klinikal yang berterusan
3.	Meningitis Bakteria – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	27.	Sklerosis Berbilang
4.	Tumor otak Benign – dengan tahap keparahan tertentu	28.	Distrofi Otot
5.	Buta – Kekal dan Tidak Dapat Dipulihkan	29.	Lumpuh anggota badan
6.	Pembedahan Otak	30.	Penyakit Parkinson – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
7.	Kanser – tahap keparahan tertentu dan tidak melindungi kanser yang sangat awal	31.	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – dengan keterukan tertentu
8.	Kardiomiopati – tahap keparahan tertentu	32.	Penyakit Arteri Koronari yang Serius
9.	Anemia Aplastik Kronik – mengakibatkan Kegagalan Sumsum Tulang Kekal	33.	Strok – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan gejala klinikal yang berterusan
10.	Koma – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan gejala klinikal yang berterusan	34.	Pembedahan kepada Aorta
11.	Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	35.	Sistemik Lupus Erythematosus dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk
12.	Pekak – Kekal dan Tidak Dapat Dipulihkan	36.	Lecur Tahap Ketiga – tahap keparahan tertentu
13.	Ensefalitis – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	37.	Jangkitan Virus Imunodefisiensi Manusia (HIV) yang dijangkiti akibat Pekerjaan
14.	Kegagalan Hati Tahap Akhir	38.	Penyakit Terminal
15.	Penyakit Paru-Paru Tahap Akhir	39.	Penyakit Cystic Medullary
16.	AIDS Penuh	40.	Sindrom Apalik (iaitu Keadaan Vegetatif Berterusan)
17.	Hepatitis Viral Fulminant	41.	Hepatitis Autoimun Kronik
18.	Serangan Jantung – tahap keparahan tertentu	42.	Pankreatitis Berulang Kronik
19.	Pembedahan Injap Jantung	43.	Penyakit Creutzfeldt-Jakob
20.	Jangkitan HIV Disebabkan Pemindahan Darah	44.	Demam Berdarah Ebola
21.	Kegagalan Buah Pinggang – memerlukan dialisis atau pemindahan buah pinggang	45.	Elephantiasis
22.	Kehilangan Kewujudan Bebas	46.	Poliomielitis
23.	Kehilangan Pertuturan	47.	Skleroderma Progresif
24.	Trauma Kepala Utama – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	48.	Sindrom Eisenmenger's yang Teruk

* Tidak berkenaan dengan myMultipay Critical Illness, myWaiver dan myPayor Plus.

Lampiran – Skala Indemniti untuk myPA

Deskripsi Peristiwa Berbayar	Peratus Jumlah Perlindungan
E. Kematian Akibat Kemalangan	100%
F. Kematian Akibat Kemalangan – Indemniti Berganda	200%
G. Keilatan Kekal Akibat Kemalangan	
1. Kehilangan dua anggota badan	100%
2. Kehilangan kedua tangan, atau semua jari dan kedua-dua ibu jari	100%
3. Kehilangan menyeluruh penglihatan kedua-dua mata	100%
4. Lumpuh meyeluruh	100%
5. Kehilangan penglihatan sebelah mata	50%
6. Kehilangan leng	
(a) di bahu	100%
(b) antara bahu dan siku	100%
(c) di siku	100%
(d) antara siku dan pergelangan tangan	100%
(e) di pergelangan tangan	100%
7. Kehilangan kaki	
(a) di pinggul	100%
(b) antara lutut dan pinggul	100%
(c) lutut ke bawah	100%
8. Hilang pendengaran	
(a) kedua-dua belah telinga	75%
(b) sebelah telinga	15%
9. Kehilangan keupayaan bertutur	50%
10. Kehilangan jari	
(a) Empat jari dan ibu jari sebelah tangan	50%
(b) Empat jari sebelah tangan	40%
(c) Ibu jari	
• kedua-dua ruas	25%
• satu ruas	10%
(d) Jari telunjuk	
• tiga ruas	10%
• dua ruas	8%
• satu ruas	4%
(e) Jari tengah	
• tiga ruas	6%
• dua ruas	4%
• satu ruas	2%
(f) Jari manis	
• tiga ruas	5%
• dua ruas	4%
• satu ruas	2%
(g) Jari kecil	
• tiga ruas	4%
• dua ruas	3%
• satu ruas	2%
(h) Metakarpal	
• pertama atau kedua (tambahan)	3%
• ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	2%
(i) Jari kaki	
• Kesemua jari pada sebelah kaki	15%
• ibu jari kaki, kedua-dua ruas	5%
• satu ruas ibu jari kaki	2%
• selain ibu jari kaki jika kehilangan lebih daripada satu jari kaki, setiap satu	1%

Nota:

- Kehilangan kekal sepenuhnya ahli dianggap sebagai kehilangan ahli.
- Jika mana-mana keilatan separa kekal yang tidak dinyatakan di atas selain daripada kehilangan deria rasa atau bau, Kami akan menerima pakai peratusan keilatan yang pada pendapat Kami tidak bercanggah dengan peruntukan di atas.
- Agregat semua peratusan yang perlu dibayar berkenaan dengan mana-mana satu kemalangan tidak boleh melebihi 100% daripada jumlah perlindungan ATAU 200% daripada jumlah perlindungan (untuk indemniti berganda) rider ini.

No.	Deskripsi Manfaat	Amaun Maksimum (dalam RM)			
		Pelan 150	Pelan 250	Pelan 350	Pelan 500
A. Hospital Dan Manfaat Pembedahan					
1.	Bilik dan Makan Hospital Harian (Tiada had bilangan hari)	150 setiap hari	250 setiap hari	350 setiap hari	500 setiap hari
2.	Unit Rawatan Rapi (Maksimum 60 hari bagi setiap satu keilangan)	Seperti caj yang dikenakan			
3	Yuran Pembedahan (Pembedahan terhad kepada 90 hari selepas discaj hospital)				
4.	Bayaran Pakar Bius				
5.	Dewan Bedah				
6.	Peralatan Hospital dan Perkhidmatan				
7.	Pakar Dalam Hospital dan Lawatan Pakar				
8.	Bayaran Ambulans				
9.	Pembedahan Harian				
10.	Yuran Laporan Perubatan	100 setiap keilangan			
11.	Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan Malaysia (Tiada had bilangan hari)	100 setiap hari			
B. Rawatan Pesakit Luar					
12.	Ujian Diagnostik Pra-Hospital (Maksimum 60 hari sebelum dimasukkan ke hospital)	Seperti caj yang dikenakan			
13.	Konsultasi Pakar Pra-Hospital (Maksimum 60 hari sebelum dimasukkan ke hospital)				
14.	Manfaat Selepas Penghospitalan (Maksimum 90 hari selepas discaj hospital)				
15.	Rawatan Kanser Pesakit Luar				
16.	Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar				
17.	Rawatan Pesakit Luar Kemalangan Kecemasan (Dalam masa 24 jam selepas kemalangan)				
18.	Rawatan Pergigian Kemalangan Kecemasan (Dalam masa 24 jam selepas kemalangan)				
19.	Manfaat Penjagaan Kejururawatan di Rumah (Sehingga 180 hari seumur hidup)				
20.	Pemindahan Organ (Sekali seuumur hidup)				
C. Had Keseluruhan [Terpakai kepada kedua-dua item di bawah (A) & (B)]					
21.	Had Tahunan Keseluruhan	300,000	500,000	700,000	1,000,000
22.	Had Sepanjang Hayat Keseluruhan	Tiada had sepanjang hayat			
D. Manfaat Tambahan					
23.	Bantuan Perubatan Kecemasan Antarabangsa	Ya			